

Keadaan ekonomi kurang selesa

# Kita perlu ubah

# sikap: PM

KUALA LUMPUR, Isnin

**RAKYAT** mesti menerima hakikat bahawa negara kini kehilangan kedudukan utamanya dalam perdagangan komoditi, dan harus bersedia menghadapi keadaan kurang selesa ketika penyesuaian dibuat berikutan perubahan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata untuk terus hidup, setiap rakyat mesti menyesuaikan diri dengan keadaan masa kini sambil meningkatkan produktiviti.

Katanya menerima kesukaran dan kedudukan kurang selesa yang mungkin timbul disebabkan usaha menyesuaikan diri itu, adalah lebih baik daripada menerima perubahan keadaan secara paksaan.

Berucap merasmikan persidangan produktiviti antarabangsa di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini, Perdana Menteri berkata jika rakyat menerima hakikat itu, peluang untuk mencapai kejayaan masa depan yang lebih baik adalah cerah.

"Apa yang dilakukan oleh kerajaan apabila ia menukar sesuatu rancangannya dan kandungan belanjawan yang dibentangkan adalah untuk menvedarkan rak-

yat mengenai keadaan sebenar yang dihadapi kini.

"Oleh itu kita perlu mengubah sikap dan jika enggan kita akan menghadapi keadaan yang lebih buruk lagi," tambahnya.

Seminar empat hari itu dianjurkan oleh Pertubuhan Produktiviti Asia (APO) dan dikendalikan oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN). Seminar itu disertai oleh lebih 600 peserta dari 20 negara di Asia dan Eropah termasuk India, Hong Kong, Jepun, Thailand, Iran, Pakistan, Perancis dan United Kingdom.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sesuatu perubahan itu sememangnya tidak disengangi kerana sifat manusia lebih suka kepada sesuatu yang biasa, tetapi jika kebiasaan itu diteruskan dalam dunia yang sentiasa berubah, rakyat akan ketinggalan.

"Jika kita berniaga, kita akan mengalami kerugian besar dan kerugian itu akan lebih menjadikan kita tidak selesa dan benar-benar merasai keperitannya," kata beliau.

Perdana Menteri berkata dengan kejatuhan dagangan komoditi sebagai tulang belakang ekonomi negara membangun, tiada ada jalan lain bagi Malaysia tetapi memasuki bidang-bidang baru.

Tambah beliau dengan kemasukan dalam bidang baru seperti pembuatan, usaha meningkatkan produktiviti semakin penting dan ia tidak terbatas kepada pekerja sahaja tetapi semua lapisan rakyat.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sebagai usaha meningkatkan produktiviti negara,

kerajaan mengambil beberapa langkah utama, termasuk mengurangkan kerehah birokrasi, mengswastakan agensi-agensinya, memperbaiki infrastruktur dan hanya mengadakan peruntukan kewangan bagi projek-projek yang memberi sumbangan kepada perluasan ekonomi dan kegiatan-kegiatan keutamaan sahaja.

"Banyak lagi perkara yang akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam usaha mempertingkatkan produktiviti," katanya sambil menegaskan sektor swasta, peniaga, kesatuan-kesatuan sekerja dan badan-badan profesional perlu memberi tumpuan kepada produktiviti.

Katanya penyelesaian kepada masalah ini ialah mempertingkatkan produktiviti secara berterusan.

Mengenai perdagangan bebas beliau berkata pencapaian produktiviti adalah penting supaya barangan negara-negara membangun boleh dijual.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata negara-negara kecil tidak harus berputus asa jika usaha meningkatkan produktiviti masing-masing dihalang oleh kuota, dasar perlindungan dan subsidi, sebaliknya terus meningkatkan kecekapan.

Beliau menambah produktiviti tidak akan meningkat jika ahli profesional, keberatan keluar daripada bilik-bilik mereka yang berhawa dingin dan hanya terus bergantung kepada menulis nota-nota sahaja.

Tambahnya kebanyakan pengurus juga kurang berpengetahuan mengenai bahagian-bahagian lain kerana mereka bergantung kepada laporan dan mengharapkan kerja dapat dijalankan hanya dengan menulis nota.